

Content touches on 30th August article (Part 1)

LHDNM permudahkan urusan permohonan dan pembayaran duti setem melalui STAMPS

Permohonan dan pembayaran duti setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kini boleh dibuat menggunakan Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem atau *Stamp Assessment And Payment System* (STAMPS). Ianya merupakan kaedah secara dalam talian diperkenalkan pada tahun 2012 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memperluaskan penggunaannya kepada lebih ramai pengguna. Pada peringkat awal pengenalan STAMPS, penggunanya hanya terdiri daripada syarikat, firma guaman, perbankan, agensi dan perniagaan yang berdaftar. Mulai 1 Julai 2021, STAMPS telah diperluaskan penggunaannya kepada individu atau orang awam.

Daftar sebagai pengguna STAMPS

STAMPS sebagai kaedah utama penyeteman di LHDNM kini boleh diakses oleh pengguna berdaftar sama ada sebagai ejen atau individu pada bila-bila masa asalkan mempunyai akses kepada internet. Pendaftaran sebagai pengguna STAMPS boleh dibuat secara dalam talian di <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/>. Pendaftaran adalah percuma dan pengguna boleh terus membuat permohonan penyeteman melalui STAMPS sebaik sahaja permohonan pendaftaran ID pengguna diluluskan oleh LHDNM. Pastikan ID pengguna didaftarkan dengan betul sama ada sebagai Ejen STAMPS (Ejen) atau Individu STAMPS (Individu).

Bagaimana pengguna Ejen memanfaatkan penggunaan STAMPS?

Ejen terbahagi kepada empat kategori utama dimana setiap pemilik ID Ejen boleh melaksanakan semua jenis permohonan penyeteman seperti jadual di bawah:

KATEGORI PENGGUNA EJEN	JENIS PENYETEMAN
1. Firma Guaman 2. Bank 3. Syarikat Insurans 4. Lain-lain: i. Syarikat ii. Perkongsian iii. Perniagaan Milikan Tunggal iv. Agensi Kerajaan/ Jabatan/ Badan Berkanun	<ul style="list-style-type: none"> • Pindah Milik Harta Tanah • Pindah Milik Saham • Pindah Milik Perniagaan • Sekuriti • Sewa/ Pajakan • Penyeteman Am

Bagi pengguna Ejen, penyeteman melalui STAMPS melibatkan proses secara dalam talian sepenuhnya bermula dari peringkat permohonan sehingga pembayaran duti.

STAMPS menjamin urusan penyeteman tidak terjejas di musim pandemik

Selain memudahkan urusan dan mengurangkan pertemuan secara bersemuka antara orang ramai dan petugas kaunter duti setem sewaktu pandemik COVID-19 ini, perkhidmatan dalam talian STAMPS memastikan pemprosesan permohonan penyeteman tidak terjejas kerana Ejen mempunyai kemudahan membuat permohonan dan bayaran duti setem secara dalam talian sepenuhnya.

Penggunaan STAMPS sebagai sistem tunggal untuk permohonan dan bayaran duti setem adalah langkah ke hadapan LHDNM bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah pendigitalan Malaysia. Di masa hadapan, LHDNM berhasrat untuk meneroka proses penyeteman secara digital sepenuhnya bagi memenuhi hasrat Kerajaan dan permintaan pengguna yang sedang beralih kepada transaksi digital dalam semua urusan perniagaan.